



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

PENGUMUMAN RASMI

BILANGAN 1 TAHUN 2026

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1447H**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Kepada semua Fakulti/Pusat Pengajian, pensyarah dan pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2. Sepertimana sedia maklum, Mesyuarat Senat Universiti Ke-230 Bil.1/2025 telah bersetuju agar Pengajaran dan Pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian sempena Hari Raya Aidilfitri 1447H bermula pada 9 Mac hingga 18 Mac 2026 serta 23 Mac dan 24 Mac 2026 bagi memberi fleksibiliti kepada semua pelajar dalam merancang perjalanan untuk pulang ke kampung dan kembali ke kampus pada musim perayaan.

3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa terdapat **pindaan pada Kalendar Akademik Sesi 2025/2026** melibatkan **cuti gantian ditetapkan pada 19 Mac dan 20 Mac 2026**. Selain itu, bagi menyokong perancangan perjalanan pelajar yang lebih sistematik dan kondusif, pihak pengurusan universiti turut bersetuju untuk **memanjangkan tempoh pelaksanaan PdP secara atas talian bermula 24 Mac hingga 27 Mac 2026**.

4. Selaras dengan ketetapan tersebut, semua fakulti dan pusat pengajian adalah diminta untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan jadual akademik masing-masing berdasarkan keperluan program dengan mengambil kira pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian sepanjang tempoh yang ditetapkan. Kerjasama dan komitmen daripada semua pihak amatlah dihargai bagi memastikan kelangsungan aktiviti akademik universiti dapat dilaksanakan dengan teratur, berkesan dan berimpak tinggi.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwil Akademik dan Antarabangsa)

3 Februari 2026